

Para pelawat telah dibawa melawat ke Pejabat CEDI dan sesi taklimat disampaikan oleh Encik Muhammad Iskandar Zulkarnain bin Muhammad Suhaimi (Pengurus Unit Keusahawanan Pelajar dan Koperasi) bersama-sama dengan Encik Mohd Khairi bin Jaafar (Pengurus Unit AUCEE dan Antarabangsa). Selepas sesi taklimat selesai, para pelawat turut dibawa melawat ke Makmal Simulasi Perniagaan di bangunan tingkat bawah CEDI. Pelawat juga telah dibawa melawat ke Varsity Mall bagi melihat secara dekat perjalanan operasi perniagaan yang dikendalikan oleh pelajar UUM. Lawatan ini bermula pada jam 3.00 petang dan berakhir pada jam 6.00 petang.

Tamat.